

# Jawatankuasa pemantau sungai

► Bagi menjaga dan memastikan kebersihan sungai sentiasa berada dalam keadaan baik

UB 07.12.2012 A1

Oleh SURAIDAH ROSLAN  
hadieydh18@yahoo.com

**PUTATAN:** Melihat kepada tahap kesedaran masyarakat mengenai penjagaan kebersihan sungai yang masih rendah, satu Jawatankuasa Pemantau Sungai perlu ditubuhkan bagi meninjau tahap kebersihan sungai di negeri ini, khususnya Sungai Petagas di pinggiran Bandaraya Kota Kinabalu.

Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Panglima Yahya Hussin, berkata ini kerana terdapat pihak tidak bertanggungjawab yang membuang sampah dan sisa daripada bahan industri ke Sungai Petagas, menjadikan sungai itu tercemar.

"Apa yang terjadi sekarang ini ialah sungai seolah-olah menjadi tempat pembuangan sampah bukan sahaja oleh orang kampung tetapi juga dari pelbagai industri dan kilang.

"Kita mendapat maklumat kadang kala malam dan awal pagi mereka membawa lori buang sampah dan sisa-sisa daripada bahan industri ke sungai...ini menjadikan sungai tercemar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Penambahbaikan dan Pemuliharaan Udang Galah serta Program Kesedaran Masyarakat Setempat Terhadap Kepentingan Sungai Petagas, di Dewan Raya Kampung Petagas, dekat sini kelmarin.

Dalam konteks Sungai Petagas, beliau berkata, jawatankuasa itu akan bertanggungjawab meninjau perkembangan kebersihan sungai berkenaan yang kini dijadikan sebagai tapak program penambahbaikan dan pemuliharaan udang galah.

Program Penambahbaikan dan Pemuliharaan Udang Galah itu dijalankan sejak April lalu dengan bantuan penyelidik dari Institut Penyelidikan Marin Borneo, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Pejabat Daerah Putatan.

Beliau berkata, buat sementara waktu, rumah jati di Kampung Muhibbah Petagas dijadikan sebagai stesen penyelidikan bagi penyelidik dan pelajar UMS untuk menjalankan aktiviti pemantauan.

Katanya, kempen kesedaran terhadap kepentingan Sungai Petagas perlu diteruskan sehingga seluruh masyarakat sedar akan kepentingan penjagaan sungai.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Penambahbaikan dan Pemuliharaan Udang Galah serta Program Kesedaran Masyarakat Setempat terhadap Kepentingan Sungai Petagas.

Yahya yang juga Adun Petagas ingin melihat dalam masa yang singkatkan ada perubahan dari segi kebersihan di Sungai Petagas. Perubahan itu diharap dapat dilihat dalam tempoh enam bulan atau setahun.

Jelasnya, apa yang berlaku sekarang ini adalah sungai seolah-olah menjadi tempat pembuangan

sampah, di mana sampah dan sisa-sisa, toksik dibuang ke sungai.

"Kita mendapat maklumat, kadangkala pada tengah malam atau awal pagi, orang dalam industri membuang sisa-sisa daripada bahan industri ke sungai dan itu akan menyebabkan pencemaran sungai.

"Itulah sebabnya kita mengadakan kempen pada hari ini untuk memulihara sungai sambil kita melepaskan benih-benih udang dan ikan ke sungai," tambahnya.

Yahya berkata, pihak UMS sekarang cukup komited untuk membantu memperbaiki keadaan Sungai Petagas yang dilihat masih dalam keadaan kotor dan banyak sampah terutama di tebing-tebing sungai.

Beliau turut mencadangkan agar jangan ada bangunan yang didirikan di kawasan simpanan riparian sungai.

"Itulah visi kita agar satu hari nanti tiada apa-apa di situ dan riparian sungai ini akan menjadi tempat rekreasi. Ia akan menjadi tempat yang cantik. Pada ketika itu, kita dapat lihat sungai bersih seperti sediakala, barulah hidupan di sungai dapat hidup," katanya.

Mengenai program yang telah dilaksanakan sejak April lalu, Yahya berkata program itu membolehkan pihak penyelidik UMS dapat melihat sama ada sungai itu berada di tahap yang baik atau masih di tahap lama.

"Secara pintas, saya melihat kebertanggungjawapan kita sebagai masyarakat masih rendah terhadap kebersihan sungai. Sebab itu, kita tidak boleh putus asa dan perlu meneruskan kempen ini sehingga seluruh masyarakat sedar.

"Bukan sahaja masyarakat di petugas tetapi keseluruhan masyarakat yang lalu di kawasan itu dan orang dalam industri agar jangan membuang sampah di sungai," katanya.

Sementara itu, Pengarah Institut Penyelidikan Marin Borneo, UMS Dr Saleem Mustafa dalam ucapannya berkata laporan teknikal telah disediakan susulan daripada Projek Penambahbaikan Stok Fasa 1 yang dilaksanakan di Sungai Petagas pada 23 April lalu.

Katanya, program itu sudah masuk kepada fasa kedua kelmarin, di mana sebanyak 2,000 benih udang galah telah disumbangkan kepada 10 buah kampung bagi tujuan pemuliharaan udang galah itu.

Jelasnya, melihat kepada permintaan makanan akuatik yang akan meningkat pada masa hadapan, usaha baru berasaskan kaedah sains dan teknologi perlu dalam meningkatkan pengeluaran hasil akuakultur.

Turut hadir adalah Ketua Projek Komuniti Sungai Petagas merangkap Pengurus Ahli Jawatankuasa Pelaksana Majlis Perasmian Penambahbaikan dan Pemuliharaan Udang Galah, Datin Seri Dr Ann Anton, Pengarah Jabatan Perikanan Negeri, Rayner S Galid dan Pegawai Daerah Putatan, Ag Abd Ghani Pg Yusoff.



YAHYA melancarkan papan tanda Projek Pelepasan Benih Undang Galah di tebing Sungai Petagas sambil diperhatikan oleh Dr Saleem (kiri), Abd Ghani (dua kanan) dan Rayner (kanan).